

**Isu Moral: Jika Pas Berdiam Diri, Jelas Parti Itu Terpesong, Kata Bekas Setiausaha Sulit Anwar
Bernama
30 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Jika Pas mengambil sikap berdiam diri berhubung isu mana-mana pemimpin yang didakwa mempunyai masalah moral, jelas sekali menunjukkan parti itu telah terpesong jauh dalam menyatakan kebenaran, kata bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Anuar Shaari.

Beliau berkata isu tersebut merupakan permasalahan ummah yang memerlukan ilmuwan Islam bersuara bagi menjelaskan keadaan.

Katanya Pas juga perlu memberikan penjelasan jika mereka mengambil tindakan berdiam diri.

"Penting bagi Pas untuk menjelaskan kenapa mereka berdiam diri.

"Adakah kerana ia melibatkan rakan-rakan mereka? Adakah juga kerana Pas lebih mementingkan undi untuk diraih berbanding dengan menyatakan kebenaran," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656007>